

06/09/2002

PM arah siasat segera (HL)

Lichong Angkui; Kadir Dikoh; Shamsul Kamal Amarudin
CYBERJAYA, Khamis - Malaysia memandang serius dakwaan seorang gadis Filipina berusia 13 tahun dirogol di pusat tahanan sementara di Sabah dan memberi jaminan tindakan sewajarnya akan diambil terhadap pihak yang terbukti melakukannya.

Jaminan itu dinyatakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Malah, Polis Sabah sudah menubuhkan pasukan khas diketuai Ketua Jenayah Berat (D9), Deputy Superintendan Hazani Ghazali dan siasatan menyeluruh telah pun dimulakan.

Perdana Menteri dalam kenyataannya berkata, beliau sudah mengarahkan supaya siasatan segera dijalankan dan sesiapa yang bertanggungjawab melakukan perbuatan itu akan dikenakan tindakan sewajarnya mengikut undang-undang negara ini.

"Kerajaan Malaysia dan saya secara peribadi memandang serius dakwaan yang dibuat seorang gadis bawah umur dari Filipina, Jawina Song bahawa dia menjadi mangsa pencabulan seksual," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat keenam Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) di sini petang ini pula, Dr Mahathir berkata beliau akan membalas surat yang dihantar Presiden Filipina Gloria Arroyo berkaitan dakwaan itu.

Katanya, surat itu antara lain menyatakan bahawa pihak berkuasa Malaysia akan menyiasat dakwaan berkenaan secara serius.

"Jika kami dapati ia benar berlaku, kami akan dapatkan orang yang melakukannya dan dia akan menghadapi tindakan yang sewajarnya," katanya.

Ditanya sama ada dakwaan itu benar, beliau berkata pihak berkuasa perlu membuat siasatan kerana pihaknya tidak boleh kata begitu saja sama ada benar atau tidak benar.

Ditanya apakah reaksi awalnya sebaik menerima surat Arroyo, Dr Mahathir berkata: "Saya amat kesal perkara seperti ini boleh berlaku sama sekali, maksud saya kenapakah ada dakwaan seperti ini."

Ditanya laporan kononnya surat yang dihantar Arroyo bernada keras, beliau berkata, ia mungkin menggunakan kata-kata keras kerana mereka amat marah mengenainya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia perlu sedar bahawa mereka tidak boleh lari daripada menghadapi undang-undang sekiranya mereka melakukan jenayah.

"Rakyat kita patut pelajari bahawa mereka tidak boleh melepaskan diri daripada perkara seperti ini. Ia boleh merosakkan negara, juga imej kita," katanya.

Mengulas kedudukan hubungan Malaysia-Filipina berikutan dakwaan terbaru itu, Dr Mahathir berkata: "Kita akan lihat apa semuanya ini."

Semalam, Arroyo dilaporkan menghantar surat kepada Dr Mahathir bagi menyatakan kekesalannya berhubung dakwaan berlaku penderaan seksual oleh anggota keselamatan terhadap seorang gadis Filipina di pusat tahanan sementara di Kota Kinabalu.

Serentak itu, Setiausaha Luar Filipina, Blas Ople, menyerahkan nota bantahan diplomatik bernada keras kepada Duta Malaysia di Manila, dengan menyifatkan kejadian itu sebagai tindakan mencabuli tamadun manusia.

Agensi berita Reuters memetik kenyataan akhbar Filipina yang mengatakan dalam surat kepada Dr Mahathir, Arroyo menyuarakan rasa marah dirinya dan rakyat Filipina dan mengecam sekeras-kerasnya tindakan itu.

Di KOTA KINABALU, Pesuruhjaya Polis negeri, Datuk Ramli Yusuff, berkata polis Sabah sudah menghubungi polis Filipina agar dapat menghantar gadis yang didakwa dirogol itu, ke Kota Kinabalu bagi membolehkan kenyataannya diambil dan siasatan lanjut dilakukan.

"Kita berharap gadis itu dapat datang ke sini kerana siasatan kami setakat ini hanya berdasarkan dakwaan semata-mata," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, hari ini.

Ramli berkata, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol mangsa di bawah umur yang boleh membawa hukuman maksimum 20 tahun penjara dan sebatan.

Sementara itu, Penasihat Presiden Filipina, Nur G Jaafar berkata, pihaknya sudah menyuarakan kebimbangan mengenai dakwaan itu kepada Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, yang kemudian mengarahkan polis menjalankan siasatan serta-merta.

"Ketika ini, saya difahamkan gadis berkenaan di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Sosial Filipina, manakala pasukan polis kami turut menjalankan siasatan berhubung kejadian itu," katanya pada sidang akhbar sebelum berlepas pulang selepas mengetuai delegasi negaranya yang dihantar bagi meninjau keadaan pusat tahanan sementara di Sabah.

Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Abdul Ghapur Salleh pada sidang akhbar itu juga mencadangkan polis Filipina membantu membawa gadis yang didakwa dirogol itu, membuat laporan polis.

"Mengikut prosedur, mangsa sendiri perlu membuat laporan polis, baru siasatan lengkap dapat dilakukan, bukannya menyiasat semata-mata berdasarkan laporan akhbar atau dakwaan pihak tertentu saja," katanya.

Dalam kenyataan bersama yang dikeluarkan pula, delegasi Filipina mengucapkan terima kasih kepada Chong terhadap sikap prihatinnya berhubung dakwaan kejadian rogol berkenaan.

Delegasi itu juga menghargai komitmen Chong untuk mengenakan hukuman sewajarnya terhadap pegawai atau kakitangan keselamatan jika terbukti terbabit dengan kejadian itu.